

BAHAGIAN B

[30 markah]

Soalan 21

Pilih perkataan yang paling sesuai untuk diisi pada tempat kosong dalam petikan yang diberi.

| | | | |
|-------------|--------------|------------|---------------|
| mempermudah | menggunakan | membelikan | perjalanan |
| mengawasi | memerkatakan | memperoleh | diperuntukkan |

Cikgu Asmah mempertanggungjawabkan Kamal untuk mengawasi setiap kumpulan yang anggotanya terdiri daripada empat orang. Sepanjang _____ ke restoran, mereka memerkatakan tempat-tempat menarik yang akan dilawati di Melaka.

Sebaik tiba di gerai jualan, Kamal dan rakan-rakannya beratur untuk membeli makanan. Setelah _____ makanan yang diingini, Kamal membayar harga makanan tersebut dengan wang yang _____ oleh ayahnya. Baki wang yang diperolehnya segera disimpan ke dalam dompetnya agar tidak tercicir.

Bagi _____ makanan panas dibawa, Kamal menggunakan dulang yang disediakan. Dia menatang dulang itu dengan berhati-hati agar makanan tidak tertumpah.

(4 markah)

Soalan 22


- a. Tulis **ayat tanya** yang paling sesuai bagi jawapan yang diberi.

Ayat tanya:

Jawapan: Harga sekilogram buah langsat yang dijual di gerai Pak Mat ialah RM4.00.

(2 markah)


- b. Tulis dialog yang sesuai bagi watak di bawah.



Datuk Laksamana,
beritahu Datuk Bendahara
datang menghadap beta
sekarang.

(2 markah)

- c. Soalan berikut berdasarkan gambar di bawah.



Nyatakan peribahasa yang sesuai berdasarkan gambar di atas.

(2 markah)

Soalan 23

Baca petikan di bawah, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya.

Sebaik sahaja kami tiba di Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA), ayah telah mengarahkan aku untuk mengikutnya ke kaunter pengesahan penerbangan untuk daftar masuk. Ayah memberitahu aku bahawa beg yang melebihi tujuh kilogram perlu dimasukkan ke ruang kargo.

Kami menuju ke tempat pemeriksaan keselamatan. Di sini, semua barang yang kami bawa akan diperiksa melalui mesin pengimbas. Telefon bimbit dan dompet diletakkan ke dalam bekas yang disediakan. Selain itu, kami juga perlu melalui pemeriksaan keselamatan di pintu khas sebelum menuju ke ruang menunggu.

Ketika memasuki pintu kapal terbang, ayah mengingatkan aku agar duduk mengikut nombor yang ditetapkan. Bagasi yang dibawa bersama-sama perlu disimpan di ruangan yang disediakan, bukannya diletakkan di bawah kerusi.

Aku berasa bertuah kerana dapat duduk di tepi tingkap. Dari tingkap kapal terbang, keindahan panorama alam semesta memukau pandanganku. “Danial, bangun. Kita dah sampai,” kata ayah sambil mengejutkan aku. Aku pun membetulkan kedudukan kerusi.

Sebaik sahaja tayar kapal terbang mencecah ke landasan untuk mendarat, aku berasa tidak sabar untuk membuka tali pinggang keselamatan. Namun ayah segera menahanku. Aku berasa hairan dan tertanya-tanya, mengapa ?

- a. Sebaik sahaja mereka tiba di _____
ayah penulis mengajaknya ke kaunter pengesahan penerbangan untuk daftar masuk.
(1 markah)
- b. Encik Ismail membawa beg yang beratnya lapan kilogram ke dalam kapal terbang. Di manakah sepatutnya Encik Ismail menyimpan beg beliau?

(2 markah)

- c. Padankan pernyataan di bawah berdasarkan petikan. Satu daripadanya telah ditunjukkan sebagai contoh.

Semua barang yang dibawa perlu melalui mesin pengimbas.

Ketika memasuki pintu kapal terbang,
ayah mengarahkan aku supaya duduk di
mana-mana sahaja yang aku suka.

Dari tingkap kapal terbang, keindahan
panorama alam semesta tidak menarik
pandanganku.

Sebaik sahaja tayar kapal terbang
mencecah ke landasan untuk mendarat,
aku berasa tidak sabar untuk membuka tali
pinggang keselamatan.

BETUL

SALAH

(2 markah)

Soalan 24

Baca dialog di bawah ini, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya.

Pada hujung minggu lalu, Azman dan rakan-rakannya telah dibawa oleh Cikgu Yusri ke sebuah ladang penternakan. Setiap murid telah diberi tugas. Azman ditugaskan untuk menemu ramah pegawai ladang tersebut.

- Azman : Selamat sejahtera, Encik Hazali. Apa khabar ?
Encik Hazali : Selamat sejahtera. Khabar baik.
Azman : Banyak sungguh lembu di sini, encik. Apakah jenis **baka** lembu ini ?
Encik Hazali : Lembu-lembu ini ialah lembu pedaging baka Brakmas ?
Azman : Bolehkah encik terangkan lembu pedaging Brakmas ini?
Encik Hazali : Lembu pedaging baka Brakmas ialah lembu yang terhasil daripada pengacukan benih lembu jantan baka Brahman dari Australia dengan benih lembu betina tempatan. Kami telah menggunakan kaedah bioteknologi untuk menghasilkan baka baharu lembu pedaging.
Azman : Oh, begitu! Apakah kelebihan lembu yang dikacukkan dengan menggunakan kaedah bioteknologi ?
Encik Hazali : Lembu pedaging baka Brakmas ini mempunyai daya tahan daripada pelbagai jenis penyakit serta boleh menyesuaikan diri dengan iklim di Malaysia.
Azman : Saya lihat semua lembu ini bersaiz besar, Encik Hazali.
Encik Hazali : Ya, Azman. Lembu-lembu ini mempunyai 50 peratus lebih daging daripada lembu tempatan. Selain itu, lembu ini cepat membiak dan membesar.
Azman : Oh, begitu! Barulah saya faham. Terima kasih kerana sudi memberikan penerangan.
Encik Hazali : Sama-sama.

SUMBER : <http://www.mardi.gov.my/the-brakmas-beef-breed>

- a. Maksud perkataan **baka** ialah _____.

(1 markah)

- b. Nyatakan kelebihan lembu pedaging baka Brakmas?

(2 markah)

- c. Bagaimanakah terhasilnya lembu baka Brakmas?

(2 markah)

- d. Huraikan perbezaan antara lembu pedaging baka Brakmas dengan lembu tempatan?

(3 markah)

Soalan 25

Baca puisi di bawah ini, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya.

Hutanku

Hutanku,
Terusik hati memandang
Flora yang menghiasi bumi
Sungguh indah
Tiada tandingan
Alam ciptaan-Mu

Hutanku,
Banyak fungsimu
Suhu bumi engkau kawal
Menjadi habitat flora dan fauna
Udara segar engkau salurkan

Hutanku,
Denganmu
Tanah runtuh dapat dicegah
Sumber perubatan semakin terserlah
Ekopelancongan menjadi pilihan
Punca rezeki untuk kami

Hutanku,
Sebagai penjaga bumi
Sebatang pokok aku tanam
Kitar semula diamalkan
Agar engkau kekal menghijau

Wahai warga bumi,
Kekalkan kehijauan kami
Agar kami tidak menangis lagi

- a. Apakah fungsi hutan berdasarkan rangkap kedua puisi di atas?

(2 markah)

- b. Nyatakan cara kita memelihara hutan mengikut puisi tersebut.

(1 markah)

- c. Tandakan (/) bagi pernyataan yang betul dan (X) bagi pernyataan yang salah berdasarkan puisi tersebut.

| | |
|--|--|
| Hutan merupakan alam ciptaan Tuhan yang tidak ada tandingan. | |
|--|--|

| | |
|---|--|
| Hutan dipelihara akan menyebabkan tanah runtuh. | |
|---|--|

(1 markah)

- d. Terangkan maksud baris-baris puisi di bawah ini.

| | |
|---|--|
| Wahai warga bumi, Kekalkan kehijauan kami Agar kami tidak menangis lagi | |
|---|--|

(3 markah)

KERTAS SOALAN TAMAT